

20 JUN, 2020

Patuhi SOP setiap masa demi keselamatan masyarakat dan keluarga, kata Dr Daud

New Sabah Times Bahasa (KK), Malaysia

Page 1 of 2



CENDERA KENANGAN... Ismail Haji Pani (2 kanan) menyampaikan cendera kenangan kepada Dr Daud sambil diperhatikan oleh Richard (kiri), Hashim dan Ag.Mohd Ghazali.



SERAH BANTUAN... Penyerahan bantuan peralatan pencegahan Covid 19 oleh Dr Daud kepada Judin Piut Guru Besar SK.Kimanis.

Patuhi SOP setiap masa demi keselamatan masyarakat dan keluarga, kata Dr Daud



INGATKAN... Dr.Daud semasa menyampaikan ucapan.

BONGAWAN: Pembantu Menteri Pertanian dan Industri Makanan Negeri Dr. Daud Hj.Yusof meminta masyarakat di negeri ini terus mematuhi prosedur yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia berhubung dengan wabak Covid-19.

Dr.Daud yang juga merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri Bongawan berkata, rakyat harus terus mengikuti Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah digariskan oleh kerajaan dalam membendung penularan COVID-19 demi keselamatan masyarakat dan keluarga.

Beliau melahirkan rasa syukur kerana kerajaan telah puji memberarkan untuk membuka beberapa sektor-sektor perusahaan kecil dan besar serta keperluan harian rakyat terutama kedai gunting rambut, restoran, pasar terbuka, pasar malam, salun, kecantikan, gerai, trak makanan, pasar tani, gymnasium, aktiviti sukan, rumah ibadah seperti masjid, gereja, kuil dan sebagainya tertakluk kepada SOP.

"Kita wajib patuh SOP ini agar rantai covid-19 dapat diputuskan dengan segera di negara ini," katanya ketika menyampaikan bantuan kepada tiga buah Sekolah Menengah Kebangsaan dan 18 buah Sekolah Kebangsaan bagi Kawasan DUN Bongawan.

Sekolah-sekolah itu telah menerima sumbangan berbentuk alat pengesan suhu, pelitup dan hand sanitizer yang telah disampaikan oleh beliau sendiri di Dewan Terbuka Sekolah Kebangsaan Pekan Bongawan kelmarin.



SUMBANGAN...Dr Daud menyampaikan peralatan Covid 19 kepada wakil sekolah SK Daingin Guru Besar Puan Asmah Salleh.



TIDAK DILUPAKAN... Guru Besar SK.Pekan Kimanis Rahim Pisal menerima peralatan Covid 19 dari Dr.Daud sambil diperhatikan oleh Richard (kiri).

Beliau terpanggil untuk membantu sekolah-sekolah di DUN Bongawan ini dalam persiapan pembukaan sekolah tidak lama lagi selain usaha pencegahan COVID-19 yang melanda negara ketika ini.

Selain penyerahan alat bantuan COVID-19, dimajlis itu Dr.Daud juga telah menyampaikan sumbangan baju jubah bagi kegunaan konvo untuk SK.Pekan Bongawan.

"Beliau percaya jika kita dapat terus mematuhi SOP yang ditetapkan dan kes COVID 19 kekal terkawal".

Selain itu katanya ibu bapa juga perlu sentiasa mengawasi anak-anak ketika beriadah dan berada di kawasan awam bagi mengelakkan jangkitan COVID-19.

"Masyarakat juga perlu menyesuaikan diri dengan kehidupan norma baharu serta mengelakkan pergi ke kawasan yang sesak, sempit dan bersempadan dengan jarak dekat", jelasnya.

Sehubungan itu beliau juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua petu-

gas barisan hadapan dan pasukan keselamatan di atas pengorbanan dan komitmen yang dicurahkan dalam mengharungi krisis COVID-19.

Hadir pada majlis ini Guru Besar SK.Pekan Bongawan Ismail Bin Haji Pani, PPM Bongawan Lichen @ Richard Manuel, Pegawai Kemajuan Masyarakat Bongawan Mallim Jamal Hamid YDP PIBG SK.Pekan Bongawan Ag.Mohd Ghazali Haji Pg.Yassin, Naib YDP Hashim Haji Tahir, Bendahari Haji Ahmad Ghani serta semua warga Guru Besar Sekolah di Kawasan Bongawan.



20 JUN, 2020

Patuhi SOP setiap masa demi keselamatan masyarakat dan keluarga, kata Dr Daud

New Sabah Times Bahasa (KK), Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

INGATKAN... Dr.Daud semasa menyampaikan ucapan. BONGAWAN: Pembantu Menteri Pertanian dan Industri Makanan Negeri Dr. Daud Hj.Yusof meminta masyarakat di negeri ini terus mematuhi prosedur yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia berhubung dengan wabak Covid-19. Dr.